

18 NOV 1998

APEC-BERITA-CYBERJAYA/I

PEMIMPIN APEC BERANGKAT PULANG SELEPAS KEJAYAAN APEC

Oleh: E. Sivabalan

CYBERJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Apec mula berangkat pulang hari ini selepas beristirehat di Cyberjaya, kira-kira 40km ke selatan Kuala Lumpur, selepas bersetuju membawa isu kawal selia pasaran kewangan antarabangsa kepada perbincangan Kumpulan 22.

Keputusan itu dicapai selepas perbincangan kira-kira lapan jam di Cyberview Lodge, sebuah pusat peranginan yang terletak di tengah-tengah ladang kelapa sawit dan sebuah kawasan yang akan menjadi bandar pintar Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi Apec kemudiannya membacakan deklarasi Apec berdekatan pinggir kolam di lodge itu sebelum membenarkan pemberita menanyakan tiga soalan. Dua daripadanya adalah mengenai kenyataan Naib Presideb AS Al Gore berhubung pergerakan "reformasi" anti kerajaan dan satu lagi mengenai pasaran kewangan.

Dr Mahathir kemudiannya mengucapkan selamat jalan kepada semua pemimpin itu.

Hari mereka di Cyberjaya bermula dengan sesi bergambar berhampiran pinggir kolam di tengah-tengah keselamatan ketat oleh polis.

Pemimpin-pemimpin itu muncul di sesi istirehat itu dengan pakaian "batik" berwarna warni selepas sibuk mengadakan pertemuan dua hala dan mendengar taklimat daripada Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di Kuala Lumpur semalam.

-- BERNAMA

ES ZK MA